



**PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA**  
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Rugi RM17,000 diperdaya 'pegawai' Bank Negara  
Publication/Portal: Utusan Sarawak  
Date: 23 November 2018

Language: Malay  
Section: Berita Perdana  
Page: 2

# Rugi RM17,000 diperdaya 'pegawai' Bank Negara

.....  
LIONG CHAI LING

**MIRI:** Seorang jurujual di sini kerugian RM17,000 selepas diperdaya sindiket Macau Scam yang menggunakan taktik dengan menyamar sebagai kakitangan Bank Negara, Selasa lalu.

Dalam kejadian itu, lelaki berusia 32 tahun mendakwa menerima panggilan daripada seorang lelaki yang tidak

dikenali.

Sumber berkata, lelaki itu mengatakan bahawa nama mangsa telah digunakan untuk membuat kad kredit yang didaftarkan atas nama mangsa.

Katanya, lelaki memberitahu kad kredit tersebut telah digunakan sebanyak RM6,000.

"Bagaimanapun, mangsa menafikan perkara itu sebelum dia diminta menghubungi Bank Negara di talian 03-50219103.

"Selepas itu, mangsa menghubungi nombor tersebut

dan bercakap dengan seorang lagi individu yang menyamar sebagai kakitangan Bank Negara.

"Individu lelaki itu memberitahu bahawa dia boleh membantu mangsa menyelesaikan masalah itu dan telah mengarahkan mangsa memindahkan wang ke dalam akaun yang diberikan bagi tujuan keselamatan," katanya.

Katanya, tanpa berfikir panjang mangsa pergi ke sebuah bank dan memindahkan wang

sebanyak RM17,000 ke akaun bank diberikan.

"Sebaik sahaja pemindahan wang selesai dibuat, suspek sekali lagi menghubungi mangsa dan memintanya supaya membuang penyata bank tersebut dan tidak boleh membuat pemindahan wang dalam tempoh enam jam," katanya.

Katanya, mangsa yang menyedari ditipu kemudian membuat laporan di Balai Polis Pusat Miri untuk tindakan lanjut.